



Wacana Kebajikan Johor Siri 1

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR

Lembaga Pengarang

Pengarah JKMN Johor
Dr Sopian Bin Brahim

Timbalan Pengarah JKMN Johor
Rosnah Binti Sardi

Diterbitkan oleh,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor.

Diterbitkan Januari 2020

Hak cipta © 2019 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor. Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, atau sebaliknya, tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Johor atau hubungi:

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR,
TINGKAT 4, BLOK A,
BANGUNAN WISMA PERSEKUTUAN,
JALAN AIR MOLEK,
80000 JOHOR BAHRU, JOHOR.
Tel: 07-2282971 / 07-2282972 Faks: 07-2240336

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan kompilasi artikel ini.

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Wacana Kebajikan Siri 1 yang mengandungi artikel jurnal ini berjaya diterbitkan.

Penerbitan atas talian ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua penulis / ahli akademik yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan isu-isu sosial semasa dari perspektif pekerja sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor(JKMNJ).

Dalam membantu para pengamal kerja sosial menjalankan kerja-kerja lapangan, artikel yang dipilih ini amat bersesuaian dengan kes-kes yang dikendalikan di pelbagai peringkat. Sebagai usaha awal buku Wacana Kebajikan Siri 1 ini merupakan diskusi ilmiah yang bakal mencorakkan lanskap praktis kerja sosial yang lebih profesional, tanpa meminggirkan skop kerja kebajikan dan sukarela dalam mendepani cabaran menangani isu dan permasalahan sosial yang semakin kritikal dan kompleks.

Bagi pihak JKMNJ, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Sekretariat Penerbitan JKMNJ Puan Rosnah binti Sardi Timbalan Pengarah JKMNJ, Puan Suhaili binti Hassan dan Puan Nurul Huda binti Anis Bahagian Pengurusan Maklumat JKMNJ di atas usaha dan komitmen pasukan ini menyediakan Wacana Kebajikan Siri 1. Semoga naskhah ilmu ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua penulis, pengamal kerja sosial, aktivis masyarakat dan para academia.

Sekian, terima kasih

DR SOPIAN BIN BRAHIM
Pengarah JKMNJ
JANUARI 2020

KANDUNGAN

ARTIKEL: 1

KEFUNGSIAN KELUARGA DAN GAYA KEIBUBAAPAN KANAK-KANAK PERINTAH BENGKEL INTERAKTIF
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR :
KAJIAN DI DAERAH JOHOR BAHRU

6-11

ARTIKEL: 2

ANTARA KERJAYA DAN KELUARGA, MAMPUKAH AKU...?

12-17

ARTIKEL: 3

KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

18-21

ARTIKEL: 4

TAHAPKEMURUNGAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS:
DI RUMAH SERI KENANGAN JOHOR BAHRU

22-27

ARTIKEL: 5

PERANAN AGAMA DALAM PENDEKATAN KAUNSELING

28-35

ARTIKEL: 6

KOMUNIKASI DALAM ORGANISASI

36-41





ARTIKEL 1

ARTIKEL : 1

KEFUNGSIAN KELUARGA DAN GAYA KEIBUBAAPAN KANAK-KANAK PERINTAH BENGKEL INTERAKTIF JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR: KAJIAN DI DAERAH JOHOR BAHRU

OLEH:

SALMAH BINTI ALI

Ibu Pejabat

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kefungsi keluarga dan gaya keibubapaan dalam kalangan ibubapa atau penjaga kanak-kanak delinkuen perintah Bengkel Interaktif di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru. Reka bentuk kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif iaitu menggunakan set borang soal selidik sebagai instrumen dalam kajian. Kajian ini menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 20.0 untuk menentukan hasil dapatan dalam analisis data. Seramai 90 orang responden yang terdiri daripada 45 orang kanak-kanak yang diperintahkan menjalani Bengkel Interaktif beserta 45 orang penjamin yang terdiri daripada ibu, bapa atau penjamin kanak-kanak delinkuen. Kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap kefungsi keluarga dan jenis gaya keibubapaan serta membina profil kanak-kanak delinkuen yang diperintahkan oleh Mahkamah menghadiri Bengkel Interaktif berdasarkan demografi persekitaran tempat tinggal. Secara keseluruhannya, berdasarkan soal selidik Faces 111 dapatan kajian menunjukkan kefungsi keluarga Ibubapa atau penjamin kanak-kanak perintah Bengkel Interaktif adalah sederhana seimbang iaitu sebanyak 41.1%, seimbang sebanyak 40% dan tidak seimbang sebanyak 18.9% manakala gaya keibubapaan ibubapa kanak-kanak perintah Bengkel Bengkel Interaktif adalah autoritarian iaitu sebanyak 41.1 peratus diikuti oleh autoritatif sebanyak 40% dan permisif sebanyak 8.9%. Profil demografi berdasarkan faktor persekitaran pula menunjukkan majoriti klien perintah Bengkel Interaktif iaitu kanak-kanak delinkuen dan penjamin tinggal di rumah teres iaitu sebanyak 42.2% dan rumah flat sebanyak 31.1%.

1. Latar Belakang Kajian

Intervensi kaunseling dan psikologi dilaksanakan atas perintah menghadiri "Bengkel Interaktif" untuk kanak-kanak delinkuen atau terlibat jenayah yang dijatuhkan perintah di bawah seksyen 30 (8) (a) dan Seksyen 93 (1) (b) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Kedua-dua Seksyen memperuntukan penglibatan penjamin iaitu ibu bapa atau penjaga dan kanak-kanak menghadiri secara langsung proses pemulihan yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan (Pesuruhjaya Penyemakan Undang- Undang Malaysia, 2001).

Bentuk intervensi yang dilaksanakan ke atas keluarga yang diperintahkan untuk menghadiri Bengkel Interaktif adalah penaksiran psikologi individu / keluarga, sesi kaunseling, aktiviti psikopendidikan dan retreat keluarga. Tujuan intervensi adalah untuk memberikan panduan secara khusus dalam membaiki kefungsi keluarga serta secara tidak langsung membantu perubahan tingkah laku yang konsisten. Antara lain, mereka juga memperoleh pengalaman pembelajaran yang boleh dijadikan sumber kepada penyelesaian masalah. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat kefungsi keluarga dan gaya keibubapaan serta profil demografi persekitaran tempat tinggal kanak-kanak delinkuen yang di perintah menghadiri

Bengkel Interaktif di daerah Johor Bahru.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif kerana ia sesuai digunakan berdasarkan sesi pertemuan, soal selidik dan profil klien kanak-kanak dan penjamin boleh membantu pengkaji untuk mengenalpasti kajian yang hendak dijalankan ke atas mereka. Salah satu cara melihat kefungsi keluarga dan gaya keibubapaan kanak-kanak perintah Bengkel Interaktif adalah menerusi perubahan tingkahlaku kanak-kanak dan ibubapa atau penjaga selepas mereka mengikuti intervensi Bengkel Interaktif

2.1 Instrumen Kajian

Menggunakan teknik persampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden, populasi kajian ini adalah kanak-kanak bersama ibubapa atau penjaga atau penjamin yang telah diperintahkan menghadiri Bengkel Interaktif seramai 90 orang (45 terdiri daripada kanak-kanak dan 45 orang Ibubapa atau penjaga

- Instrument pengumpulan data yang digunakan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A – Profile Klien
- Bahagian B- Soal Selidik Gaya Keibubapaan
- Bahagian C- Soal selidik Kefungsi Keluarga yang berdasarkan alat Ujian Penaksiran Psikologi Faces 111, Family Adaptability and Cohension Evaluation Scale III (FACES III)

2.2 Analisis Data

Analisis data kuantitatif menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 20 dengan berasaskan pendekatan statistik inferensi regresi pelbagai.

3. RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, perbincangan bermula dengan merujuk kepada Jadual 1 dan Jadual 2 yang menunjukkan pola demografi persekitaran yang mana majoriti kanak-kanak delinkuen tinggal di rumah teres jenis kos rendah iaitu 42.2 peratus manakala kos sederhana rendah dan flat atau juga dikenali sebagai Projek Perumahan Rakyat yang terletak di kawasan bandar Johor Bahru dan Masai iaitu 31.1 peratus.

Jadual 1: Jenis Tempat Tinggal/ Kediaman

Jenis Kediaman/Tempat Tinggal	Kekerapan	Peratus
Jenis Tempat Tinggal/		
Kediaman		
Teres	38	42.2
Flat	28	31.1
Pangsapuri	6	6.7
Kampung	8	8.9
Setinggan	6	6.7
Lain-lain	4	4.4

Jadual 2: Kawasan Tempat Tinggal

Kawasan	Kekerapan	Peratus
Kawasan Tempat Tinggal	Bandar Johor Bahru	14
	Skudai	12
	Masai	16
	Tebrau	10
	Plentong	4
	Pasir Gudang	12
	Gelang Patah	6
	Ulu Tiram	4
	Kempas	4
	Kangkar Pulai	4
	Nusajaya	2
	Lain-lain	2

Kategori kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak sehingga dijatuhi perintah menjalani Bengkel Interaktif seperti di Jadual 3 adalah sebanyak 46.7 peratus kanak-kanak terlibat dengan kesalahan di bawah kategori harta benda seperti mencuri, memiliki harta curi, merompak, peras ugut dan ceroboh/ pecah rumah, 15.6 peratus terlibat dengan kesalahan lalu lintas, 13.3 peratus terlibat dengan akta kesalahan kecil, 8.9 peratus terlibat dengan dadah, 8.9 peratus terlibat dengan kesalahan jantina dan 6.7 peratus terlibat dengan kesalahan sabit manusia.

Jadual 3: Jenis Kesalahan

Jenis Kesalahan	Kekerapan	Peratus
Harta Benda	21	46.7
Dadah	4	8.9
Kesalahan Jantina	4	8.9
Lalu Lintas	7	15.6
Akta Kesalahan Kecil	6	13.3
Sabit Manusia	3	6.7

Kefungsian Keluarga Dalam Persepsi Kanak-Kanak Delinkuen Dan Ibubapa / Penjamin

Kefungsian keluarga dalam kalangan klien Bengkel Interaktif dibahagi kepada 3 jenis keluarga iaitu seimbang, sederhana dan tidak seimbang. Hasil analisis melalui persepsi kanak-kanak delinkuen seperti di Jadual 4 mendapati 35.6 peratus responden kajian memiliki jenis keluarga yang seimbang, 37.8 peratus jenis keluarga sederhana seimbang dan 26.7 peratus jenis keluarga yang tidak seimbang.

Jadual 4: Tahap Kefungsian Keluarga Persepsi Kanak-kanak

Jenis Keluarga	Kekerapan	Peratus
Seimbang	16	35.6
Sederhana Seimbang	17	37.8
Tidak seimbang	12	26.7
Jumlah	45	100.0

Manakala hasil dapatan menerusi persepsi penjamin seperti di Jadual 5 pula mendapati 28.9 peratus responden kajian memiliki jenis keluarga yang seimbang, 60.0 peratus jenis keluarga sederhana seimbang dan 11.1 peratus jenis keluarga yang tidak seimbang. Keadaan ini menunjukkan kefungsian keluarga dalam kalangan klien Bengkel Interaktif.

Jadual 5: Tahap Kefungsian Keluarga Persepsi Ibubapa atau Penjamin

Jenis Keluarga	Kekerapan	Peratus
Seimbang	13	28.9
Sederhana Seimbang	27	60.0
Tidak seimbang	5	11.1
Jumlah	45	100.0

Gaya Keibubapaan Ibubapa Atau Penjamin Kanak-kanak Perintah Bengkel Interaktif

Gaya keibubapaan ibubapa atau penjamin kanak-kanak perintah Bengkel Interaktif seperti di Jadual 6 dikategorikan kepada 3 iaitu autoritatif, autoritarian dan permisif. Hasil analisis mendapati 40 peratus responden kajian memiliki jenis gaya keibubapaan autoritatif, 51.1 peratus jenis gaya keibubapaan autoritarian dan 8.9 peratus jenis gaya keibubapaan permisif.

Jadual 6: Jenis Gaya Keibubapaan

Jenis Keluarga	Kekerapan	Peratus
Autoritatif	18	40.0
Autoritarian	23	51.1
Permisif	4	8.9
Jumlah	90	100.0

5. Kesimpulan

Kajian berkaitan kefungsian keluarga dan gaya keibubapaan kanak-kanak dan ibubapa perintah Bengkel Interaktif ini telah berjaya memperlihatkan bagaimana kefungsian keluarga dan gaya keibubapaan memainkan peranan terhadap perkembangan dan penglibatan kanak-kanak dalam tingkahlaku delinkuen. Namun demikian selaras dengan keperluan masa kini, intervensi kaunseling dan psikologi yang dijalankan wajar diberikan nafas baru agar selari dengan cabaran globalisasi dan sosialisasi kanak-kanak dan remaja yang jauh berbeza dengan keadaan ketika perintah Bengkel Interaktif ini dijadikan sebagai salah satu perintah dalam Akta Kanak-kanak 2001 .

Kajian ini mencapai objektif yang dirangka. Namun begitu, kajian ini perlu dilaksanakan dan di analisa pada masa hadapan selepas kanak-kanak dan penjamin yang menjalani Bengkel Interaktif tamat melaksanakan pra dan pasca Intervensi Bengkel Interaktif. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti perkembangan atau adanya perubahan terhadap kanak-kanak delinkuen dan ibubapa juga institusi keluarga secara keseluruhanya.

Rujukan

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (28 Jun, 2016). Laporan Statistik. Retrieved 09 Disember, 2017, from Jabatan Kebajikan Masyarakat: <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php>

Ab Alim Abdul Rahim. (1994). Pengantar Psikologi Bilazim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd Rahim Abd Rashid, S. H. (2006). Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga. In S. R. Omar, & S. Edition (Ed.), Prinsip Dan Amali Pendidikan (pp. 13-31). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd Rashid, A. R., Hussin, S., & Hassan, C. H. (2006). Krisis Dan Konflik Institusi Keluarga. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.

Ahmad, A., & Norhaidawat, M. (2016). PERSEKITARAN KELUARGA DAN KESANNYA TERHADAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK JALANAN DI JALAN CHOW KIT, KUALA LUMPUR. 10.13140/RG.2.2.15130.75202. doi:10.13140/RG.2.2.15130.75202.

Azizi Yahaya, Noordin Yahaya, Daing Junaidah Bte Hj. Bachok. (2006). Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. Jurnal Master, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Mara (Melaka). Retrieved from http://eprints.utm.my/10118/1/JURNAL_MASTER.pdf

Baumrind D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. Journal Of Early Adolescence, 11(1), 56-95.

Eu, K. G. (2002). Tahap Motivasi Keluarga Dalam Konteks Pendidikan Formal Anak-Anak Mereka: Satu Tinjauan Di Kalangan Keluarga Bahagia Di Daerah Muar, Johor. Johor : Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Forest, D. (2012). Counselling Skills: Egan's Skilled Helper Model . Retrieved from Birmingham City University: www.gestaltuk.com

Jacobvitz, D., & Bush, N. (1996). Reconstructions of family relationships: Parent-child alliances, personal distress and self-esteem. Developmental Psychology, 32, 732-743.



ARTIKEL 2

ARTIKEL : 2

ANTARA KERJAYA DAN KELUARGA, MAMPUKAH AKU..?

OLEH:

MOHD ZABIDI BIN ZAKARIA

RAJA SUZANIWATI BINTI RAJA GHAZALI

NORHAYATI BINTI A.KADIR

PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH PONTIAN

ABSTRAK

Keluarga dan kerjaya tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan seharian. Keluarga memerlukan kerjaya untuk meneruskan kehidupan dan kerjaya juga memerlukan keluarga untuk menyeimbangkan kehidupan seharian iaitu dari segi perasaan kasih sayang dan rasa kepunyaan. Pendek kata, keluarga dan kerjaya saling bergantung antara satu sama lain. Ibu bapa yang bekerja berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya berkaitan dengan anak-anak. Dalam memenuhi keperluan keluarga, ibu bapa seringkali mengabaikan perhatian terhadap anak-anak kerana sibuk bekerja. Tidak semua perkara mampu untuk dikejar oleh ibu bapa dalam membentuk keluarga yang seimbang, kerana masing-masing menuntut masa dan perhatian sepenuhnya. Artikel membincangkan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa yang bekerja pada masa kini. Perbincangan hanya dari sudut mikro iaitu lebih kepada keluarga dan tidak menyentuh perspektif yang lebih meluas. Artikel ini juga menyentuh serba sedikit cara-cara untuk mengatasi cabaran yang dibincangkan serta pendekatan yang boleh diambil bagi mengatasi dan mengurangkan kesan akibat kesibukan ibu bapa bekerja. Pendekatan Teori Struktural Fungsional digunakan untuk melihat peranan ibu bapa yang bekerja dalam keluarga untuk membentuk keluarga yang harmoni.

Pengenalan

Keluarga merupakan tulang belakang kepada anak-anak muda kita pada hari ini dan memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk watak dan sahsiah diri generasi muda pada masa kini. Umumnya terdapat 2 bentuk keluarga iaitu keluarga asas dan keluarga luas. Keluarga asas terdiri ibu, bapa sama ada anak kandung atau anak angkat yang tinggal bersama, manakala keluarga luas pula adalah sekiranya terdapat saudara mara lain yang tinggal bersama dengan keluarga asas. Saudara mara merujuk kepada sesiapa sahaja yang ada pertalian darah atau hasil perkahwinan, seperti datuk, nenek, bapa saudara, ibu saudara, sepupu dan lain-lain. Menurut Bailon (1978), Keluarga adalah dua atau lebih individu yang hidup dalam satu rumahtangga kerana adanya hubungan darah, perkahwinan atau pengangkatan. Mereka saling berinteraksi antara satu sama lain, mempunyai peranan masing-masing dan menciptakan serta mempertahankan satu budaya,. Manakala menurut Friedman (1998), keluarga adalah dua atau lebih individu yang tergabung kerana ikatan tertentu untuk saling berkongsi pengalaman dan melakukan pendekatan emosional, serta mengidentifikasikan diri mereka sebahagian dari keluarga. Sigmund Freud pula menjelaskan bahawa pada asasnya keluarga itu terbentuk kerana adanya perkahwinan antara lelaki dan perempuan. Manakala ibu bapa merupakan jawatan utama dan terpenting bagi sebahagian besar anggota masyarakat, seandainya terdapat masalah di dalam keluarga, anak-anak dan ahli keluarga yang lain akan menerima kesannya sebagai ahli keluarga. Menurut Kadir (2000), Ibu bapa merupakan satu jawatan tanpa perantaraan rasmi dari sesiapa.

Segala-galanya bertitik tolak dari amanah, tugas, peranan dan tanggungjawab yang mesti dipikul oleh setiap ibu bapa. Baik di bandar atau pun di desa, keluarga dengan ibu bapa yang

berkerjaya adalah perkara biasa. Seiring dengan tuntutan keluarga dan kos sara hidup yang semakin meningkat menyebabkan ibu juga terpaksa bekerja bagi membantu bapa untuk mencari rezeki dan adakalanya melakukan kerja lebih masa. Namun begitu pada perspektif lain ada pula sesuatu yang disebut sebagai kos lepas dalam bidang ekonomi, ini kerana tidak semua perkara boleh dikejar untuk memenuhi kesempurnaan.

Cabaran ibu bapa yang bekerjaya.

Dengan gaya kehidupan pada masa kini situasi ibu bapa yang bekerja adalah fenomena biasa demi untuk meneruskan kelangsung hidup dan untuk memenuhi keperluan keluarga khususnya. Akibat kesibukan ibu bapa mencari nafkah untuk keluarga, kita dapat melihat pada hari ini pelbagai media sosial mengambil tempat di dalam hati anak-anak seperti Facebook, Instagram, Tik Tok dan Live Bigo. Ibu bapa yang sibuk bekerja akan kurang pengawasaan terhadap anak-anak serta kurang peka apa yang terjadi kepada anak-anak mereka. Fenomena ibu bapa yang bekerja ini akan mempengaruhi dan memberi kesan terhadap anak-anak. Pakar Psikoterapi Klinik & Pengetua Akademi Keibubapaan Asia Ko Teik Yen berkata, kebanyakan ibu bapa tidak mempunyai masa yang mencukupi dalam mengukuhkan ikatan kekeluargaan dan memenuhi keperluan peribadi mereka sendiri. Faktor kesibukan dalam menguruskan anak dan di samping tuntutan tugas di pejabat menjadikan kebanyakan ibu bapa sering mengabaikan diri sendiri serta individu di sekelilingnya (Nadirah, 2015). Keadaan yang lebih menyedihkan adalah apabila ibu bapa bekerja, mereka langsung tidak mempunyai masa yang berkualiti untuk bersama dengan anak-anak mereka, sedar-sedar sahaja anak mereka yang dahulunya kecil, kini telah meningkat dewasa.

Ibu bapa terutamanya di bandar metropolitan sering sibuk dengan tugas seharian dan pulang ke rumah hingga lewat malam sehingga tidak berpeluang untuk meluangkan masa untuk anak-anak mereka. Bagi ibu bapa yang bekerja, mereka hanya mempunyai masa yang berkualiti bersama-sama anak-anak selama 5 hingga 10 minit. Kesan buruk akan berlaku terhadap mereka kerana ibu bapa tidak berpeluang mengambil berat terhadap mereka, terutama perkembangan sahsiah diri dan pelajaran mereka. Lebih memburukkan lagi keadaan, ibu bapa yang tidak berpeluang untuk meluangkan masa bersama keluarga berpotensi untuk mempunyai kecenderungan yang negatif terutama terhadap kepuasan hidup. Kajian mendapati bahawa konflik kerja dan keluarga mempunyai hubungan yang negatif terhadap kepuasan hidup (Iqbal., 2013). Bayangkanlah, setiap hari anda keluar bekerja selama 8 jam, 5 hingga 6 hari seminggu, itu tidak termasuk perjalanan pergi dan balik kerja yang memakan masa hampir sejam atau 2 jam setiap hari dan kesesakan lalu lintas, ditambah pula dengan kerja lebih masa pada hari minggu, sedangkan masa dengan keluarga pun tiada, inikan pula masa untuk diri sendiri.

Kesihatan ibu bapa yang bekerjaya juga boleh merosot kerana tidak melakukan aktiviti senaman atau penjagaan kesihatan yang betul akibat kesibukan mencari rezeki. Sesuatu yang amat merugikan diri sendiri dan keluarga jika tidak melakukan perubahan dari sekarang. Seharian kita berpenat lelah mencari rezeki, namun di penghujung harinya kita terpaksa pula mengeluarkan kos perubatan kerana tidak menjaga kesihatan diri.

Cabaran seterusnya adalah sikap toleransi pasangan dalam menguruskan rumah tangga. Perasaan tidak berpuas hati dan tekanan perasaan juga boleh timbul kepada pasangan jika tiada sikap toleransi dalam menguruskan rumah tangga. Setelah kepenatan bekerja, apabila pulang ke rumah menguruskan rumah tangga, sudah tentulah sesuatu yang memenatkan apabila menguruskannya seorang diri. Menurut pandangan Supriyantini bahawa suami isteri yang sama-sama terlibat dalam urusan rumah tangga akan lebih mampu mengatasi konflik-konflik yang terjadi dalam urusan rumahtangga tanpa merugikan salah satu pihak dan mengurangi tekanan pada pasangan yang bekerjaya akibat menumpukan tugas-tugas dalam rumahtangga (Rowatt

dalam Supriyanti, 2002). Menurut Pensyarah Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Rumaya Juhari berkata faktor paling asas yang perlu difahami suami dan isteri bekerjaya ialah menerima hakikat bahawa jangkaan dan harapan ideal bagi peranan suami isteri perlu disesuaikan dengan keadaan semasa bagi mengelakkan konflik dan tekanan (Noor, 2015).

Tidak ramai ibu bapa yang menyedari bahawa dalam kesibukan mereka bekerja, mereka sebenarnya sedang melupakan hati anak-anak mereka. Ibu bapa yang prihatin dan mesra pada saat-saat tumbesaran anak-anak adalah penting untuk membina ikatan antara anda dan anak-anak. Kerja lebih masa adalah rutin kepada sebahagian ibu bapa yang bekerja dan tidak boleh disangkal lagi dengan kerja lebih masa yang dilakukan, ibu bapa boleh memperoleh lebih wang untuk memenuhi keperluan keluarga, membeli permainan dan hadiah untuk anak-anak. Namun apalah maknanya jika anak-anak kekurangan perhatian dan kasih sayang kita. Ibu bapa yang bekerjaya semestinya mahukan yang terbaik buat anak-anak sama seperti ibu bapa lain dalam penjagaan dan asuhan, namun antara pilihan yang mereka ada hanyalah dengan menghantar anak ke pusat jagaan atau taska selain mengupah pengasuh atau pembantu rumah (Adawiyah, 2018). Di zaman yang serba moden dan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat memaksa ibu bapa untuk mengejar kebendaan. Benar duit bukan segala-galanya, namun segala-galanya memerlukan duit. Kekangan kewangan juga menjadi dilema kepada ibu bapa jika salah seorang perlu berhenti kerja untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga dan menjaga anak kecil di rumah.

Cara mengatasi

Kehidupan yang serba moden dan pantas menyebabkan sebilangan dari ibu bapa terlepas atau kehilangan masa-masa berkualiti bersama dengan keluarga. Antara perkara kecil yang boleh dilakukan oleh ibu bapa bekerjaya untuk meluangkan masa bersama dengan keluarga adalah makan bersama-sama keluarga pada masa terluang sama ada di dalam rumah atau di luar rumah. Walaupun pada umumnya kebanyakan dari kita mengatakan makan bersama-sama adalah penting, namun masih tidak ramai yang telah mengamalkannya. Jika kita memulakannya sekarang, lama kelamaan perkara ini tidak akan nampak janggal lagi, sebagai tambahan kita juga boleh melibatkan anak-anak untuk membantu dalam penyediaan makanan seperti membersihkan ikan bilis atau membersihkan sayur-sayuran.

Bermain adalah aktiviti yang paling disukai oleh anak-anak. Ibu bapa seharusnya tidak melepaskan peluang untuk bermain bersama dengan anak-anak juga akan dapat mengeratkan hubungan ibu bapa dengan anak-anak, sama ada permainan video atau catur dan bola sepak bergantung kepada minat mereka. Secara tidak langsung kemesraan di antara ibu dan bapa akan mula terjalin dan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Lawatan atau membeli belah bersama keluarga juga boleh dilakukan pada hujung minggu bersama anak-anak. Tidak salah jika sekali sekala kita membuat lawatan ke tempat-tempat menarik seperti Zoo dan taman permainan bersama dengan anak-anak. Di samping dapat merehatkan minda dan bersantai dapatlah juga kita melihat pemandangan sekeliling daripada hanya melihat komputer di pejabat dan fail semata-mata. Jika disebut kerja sekolah atau mengulangkaji pelajaran, tiada anak-anak yang menyukainya, ibu bapa boleh mengambil bahagian untuk bersama-sama dengan anak-anak mereka mengulangkaji pelajaran, membuat kerja sekolah atau membuat kuiz dengan menawarkan hadiah untuk menarik minat mereka. Hadiah tidak semestinya yang mahal, cukup sekadar coklat sudah memadai. Dengan penyertaan bersama seperti ini, secara tidak langsung ibu bapa juga boleh mengetahui tahap pembelajaran anak-anak mereka.

Membasuh kenderaan bersama dengan anak-anak juga boleh dilakukan pada hujung minggu atau hari cuti, di samping dapat mengeluarkan peluh ianya juga menjimatkan poket anda. Masa yang

dihabiskan dengan melakukan aktiviti bersama anak-anak akan dapat mengeratkan hubungan dan ikatan keluarga. Mungkin aktiviti ini nampak biasa sahaja namun amat besar kesannya terhadap hubungan kekeluargaan. Ibu bapa dan anak-anak yang sejahtera sering berkomunikasi mengenai pelbagai perkara dan bukan hanya apabila wujudnya konflik (Sara Gable, 2000).

Kemahiran keibubapaan juga adalah penting untuk diterapkan terutama di dalam kalangan ibu bapa yang bekerjaya. Tanpa kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi akan menyebabkan masalah kepada institusi keluarga. Kemahiran keibubapaan mempengaruhi kesejahteraan psikologi, keyakinan diri, dan juga peranan setiap ahli keluarga dalam pembentukan tingkah laku dan sikap anak-anak. Bagi anak-anak yang tidak menunjukkan perkembangan yang baik, sebenarnya mereka ini tidak diberikan perhatian yang cukup di dalam keluarga. Keadaan perkembangan mereka agak sukar dan bermasalah dari pelbagai sudut seperti sokongan sosial serta kualiti interaksi sesama ahli keluarga. Anak-anak terabai kerana kekurangan sokongan dan interaksi dalam keluarga terutamanya dengan ibu (Iwanee, 2002).

Teori

Keluarga memainkan peranan yang penting dalam masyarakat dan institusi keluarga perlu dijaga untuk menjamin kelangsungan generasi muda masa kini. Tanpa keluarga yang harmoni, kecenderungan anak-anak untuk terlibat di dalam gejala devian adalah tinggi dan seterusnya menyumbang kepada kepincangan di dalam masyarakat. Pendekatan Teori Struktural Fungsional menekankan kepada keseimbangan sistem yang stabil dalam keluarga dan kestabilan sistem sosial dalam masyarakat. Pendekatan teori struktural-fungsional dapat digunakan dalam menganalisis peranan keluarga agar dapat berfungsi dengan baik untuk menjaga keutuhan keluarga dan masyarakat. Ibu bapa seharusnya berperanan untuk menyeimbangkan antara keluarga dan kerjaya iaitu keseimbangan sistem itu sendiri dengan membahagikan masa dengan baik antara kedua-duanya. Oleh kerana semuanya saling berkaitan dan memerlukan antara satu sama lain maka keseimbangan harus dijaga untuk membentuk keluarga yang harmoni.

Kesimpulan

Cabaran ibu bapa masa kini tidak boleh dipertikaikan lagi, seiring dengan teknologi semasa dan gaya hidup yang serba moden dan pantas. Ibu bapa yang bekerjaya perlulah bijak dalam menjalani kehidupan berkeluarga. Bekerja dan menguruskan keluarga adalah rutin harian ibu bapa dan semua itu bergantung kepada kita bagaimana hendak menguruskannya dengan bijak. Setiap ahli keluarga perlulah memainkan peranan yang penting bagi memastikan keluarga harmoni dapat dibentuk. Dalam kesibukan bekerja, tidak seharusnya ibu bapa mengabaikan anak-anak dari segi perhatian dan kasih sayang. Cara yang mudah dan santai boleh dilakukan untuk menyeimbangkan antara kerjaya dan kehidupan berkeluarga. Konflik keluarga pasti tidak boleh dielakkan kerana kita hanya manusia biasa yang tidak sempurna, namun kita masih mampu untuk mencorakkan keluarga dengan warna-warni yang lebih harmoni.

Rujukan

- Adawiyah, R. (2018). Taska, Pengasuh Atau berhenti kerja. Kuala Lumpur: Utusan Online.
- Bailon, S. &. (1978). Perawatan Kesehatan Keluarga: Suatu. Jakarta: Pusdiknakes.
- Friedman, M. (1998). Family Nursing: Theory and Practice. Norwalk, Connecticut: 3rd Edition Appleton and Lange.
- Gable, S. (2000). Family Relations. Interdisciplinary Journal Of Applied Family Science , 293-300.
- Iqbal., S. N. (2013). Impact of work-family conflict on job satisfaction and life. Journal of Basic and Applied Scientific Research.
- Iwanee, D. C. (2002). The Quality of Parenting of Individuals Who had failed to Thrive as Children. Journal of Social Work , 283-298.
- Kadir, R. A. (2000). Pendidikan Keibubapaan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nadirah, S. (2015). Impak Besar Jalinan Emosi Ibu Dan Anak. Kuala Lumpur: Harian Metro.
- Noor, H. M. Suami perlu bantu ringankan beban isteri terutama dalam mendidik anak.
- Supriyantini, S. (2002). Hubungan antara peran gender dengan keterlibatan Suami dalam. Sumatra Utara: Universitas Sumatra Utara.



ARTIKEL 3

ARTIKEL : 3

KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

OLEH:

Rusydatul Mat Yaacob

Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Segamat

85000, Segamat, Johor

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan secara umum isu ketagihan internet yang berlaku kini dan kesan terhadap perkembangan kanak-kanak. Penulis adalah berdasarkan kepada pemerhatian, perkongsian di dalam seminar/bengkel dan kajian-kajian lepas. Hasil kajian mendapati ketagihan terhadap internet bukan sahaja kepada orang dewasa namun turut terjadi kepada kanak-kanak di usia awal persekolahan. Di samping kesan positif yang ditunjukkan, ia turut memberi kesan negatif terhadap kanak-kanak serta signifikan dengan masalah sosial yang berlaku kini. Oleh yang demikian, perkara ini perlu diberi perhatian kerana kanak-kanak merupakan salah satu dari kumpulan sasar jabatan dan aset terbesar negara yang bakal mentadbir negara kelak.

PENGENALAN

Internet merupakan sebuah medium yang sangat penting pada masa kini. Hampir setiap aktiviti harian kini memerlukan akses internet untuk melaksanakannya. Tidak dinafikan internet memudahkan urusan harian dilaksanakan dan dengan adanya telefon bimbit, internet dapat dilayari pada bila-bila masa di mana jua. Kini, internet bukan sahaja dilayari oleh golongan dewasa tetapi turut dilayari oleh golongan kanak-kanak di awal usia.

Tinjauan yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC) menunjukkan jumlah pengguna internet pada tahun 2018 adalah sebanyak 28.7 juta pengguna dengan peratusan 87.4% daripada jumlah penduduk di Malaysia. Berlaku peningkatan peratusan penggunaan internet daripada 76.9% pada tahun 2016 kepada 87.4% pada tahun 2018. Manakala statistik yang dikeluarkan oleh Internet World Stats menunjukkan peratusan pengguna internet di Asia sebanyak 50.4% daripada jumlah populasi seluruh dunia. Tidak mustahil pengguna internet di Malaysia semakin bertambah kerana kemudahan jalur lebar ini boleh didapati di mana-mana kini termasuk di pusat membeli belah, restoran dan hotel di samping perkhidmatan internet berbayar.

Tidak dihadkan kepada golongan dewasa sahaja, kini kanak-kanak juga semakin terjebak dengan kemudahan ini kerana rata-rata sejak usia yang muda sudah didedahkan menerusi penggunaan telefon bimbit oleh ibubapa. Penggunaan internet secara meluas dan tanpa kawalan ini telah menyebabkan berlaku ketagihan yang agak membimbangkan terutama kanak-kanak. Walaupun tidak semua pengguna internet mengalami ketagihan internet namun dengan peratusan yang kecil turut memberi signifikan kepada kesan negatif dalam kehidupan mereka.

KETAGIHAN INTERNET

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC), purata penggunaan internet setiap hari oleh pengguna di bawah umur 20 tahun adalah sebanyak 6.7 jam sehari di mana tempat paling kerap mengakses internet adalah di rumah. Namun menurut Takeshi (2006) jumlah masa melayari internet tidak mempengaruhi tahap ketagihan terhadap internet tetapi apa yang lebih penting kesan penggunaan internet dalam

kehidupan mereka terutama dalam aspek tingkahlaku, keluarga, hubungan, kerja dan sekolah.

Namun yang membimbangkan kini, kanak-kanak seawal umur 7 tahun sudah tahu melayari laman web yang tidak sepatutnya seperti pornografi, permainan video atas talian dan pembelian atas talian. Di samping itu, aplikasi seperti Facebook, Instagram, Wechat dan Whatsapp turut memberi kesan negatif kepada kanak-kanak. Menurut Hilarie et al. (2006) ketagihan internet meliputi ganjaran dan ransangan yang diterima seperti pornografi memberi ransangan seksual, permainan video memberi ganjaran hadiah dan aplikasi komunikasi memberi fantasi romantis. Maka dengan pengetahuan yang diperolehi ini kanak-kanak akan mengaplikasi dalam dunia yang nyata.

KESAN TERHADAP KETAGIHAN INTERNET

Rangkaian Internet boleh juga menjadi saluran tidak sihat untuk melakukan jenayah. Akhbar Harian Metro bertarikh 30 Julai 2017 melaporkan lima remaja lelaki berusia 13 hingga 18 tahun ditahan polis kerana dipercayai merogol bergilir-gilir remaja perempuan berusia 15 tahun di bangunan usang di Manggatal, Kota Kinabalu. Siasatan awal mendapati kejadian berlaku setelah mangsa dibawa oleh lima rakan lelaki yang baru dikenalnya melalui aplikasi WeChat selama tiga minggu.

Turut pernah dilaporkan di akhbar Harian Metro bertarikh 4 Julai 2018 kes sama yang berlaku di imana seorang remaja perempuan berusia 19 tahun menjadi mangsa rogol secara bergilir-gilir oleh tiga lelaki yang juga kenalan di aplikasi WeChat dalam kejadian di sebuah rumah di Changkat Sodang, Seri Iskandar. Menurutny, berdasarkan keterangan, mangsa baru mengenali seorang daripada suspek melalui WeChat dan kejadian berlaku ketika mereka bertemu kali pertama.

Ini antara berita yang melibatkan penyalahgunaan internet dalam konteks media sosial. Dapatlah dilihat betapa senangnya kanak-kanak dan remaja ini terjebak dengan ajakan kawan yang hanya dikenali di media sosial. Platform ini menjadikan remaja bawah umur sasaran untuk dijadikan mangsa. Perkara ini sudah lama berlaku dan semakin kerap dilaporkan di dada-dada akhbar.

Selain itu satu kajian yang dilakukan oleh Awang & Zunaidah (2018) dalam mengenalpasti hubungan antara ketagihan internet dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Terengganu menunjukkan hubungan yang signifikan dimana ketagihan internet yang tinggi menyebabkan pencapaian akademik akan menurun. Hal ini kerana penggunaan internet dalam kalangan remaja bermula hanya untuk mencari bahan pembelajaran dan rujukan seterusnya berubah kepada melayari laman web berunsur hiburan seperti Youtube, Facebook, Instragram, permainan atas talian bahkan pornografi.

Sejak kecil lagi gajet seperti telefon dan tab menggantikan alatan permainan. Ibubapa sering menjadikan gajet ini untuk memujuk anak-anak dari menangis. Namun implikasinya menyebabkan kurangnya komunikasi dengan masyarakat sekeliling. Secara tidak langsung kanak-kanak kurang terdedah dengan aktiviti luar dan cenderung untuk terlibat dalam masalah salah laku seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan teknologi, gejala ponteng sekolah dan jenayah. Menurut Fatimah et.al (2008) kesan positif dan negatif bergantung kepada jenis perisian yang digunakan. Perisian yang berbentuk keganasan dikaitkan dengan tingkah laku negatif manakala yang berbentuk pendidikan akan memberikan kesan positif kepada kanak-kanak.

KEMPEN PENCEGAHAN KETAGIHAN INTERNET

Tidak ramai yang mengetahui wujudnya Persatuan Pencegahan Ketagihan Internet Malaysia (MySIA). Persatuan yang ditubuhkan sejak 2017 ini berperanan dalam mempromosikan kesejahteraan internet melalui usaha bersepadu pelbagai agensi dalam menyebarkan maklumat-maklumat terkini berkenaan pencegahan dan penggunaan internet yang selamat. Persatuan

ini kerap muncul di kaca televisyen dan kempen-kempen yang bergerak di seluruh Malaysia untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai isu ketagihan internet di Malaysia.

Kempen Pencegahan Ketagihan Internet telah dijalankan pada bulan Julai 2018 di Daerah Segamat. Turut diedarkan kajian soal selidik kepada semua peserta bertujuan untuk mengenalpasti kemungkinan berlaku ketagihan internet. Hasil kajian mendapati jumlah responden 176 orang dengan 52.3% daripada jumlah tersebut merupakan peserta dalam kalangan pelajar sekolah. Sebanyak 91.2% mempunyai telefon bimbit dan 84.6% menggunakan data mudah alih sebagai sumber utama untuk melayari internet. Manakala sebanyak 39.2% responden mula menggunakan internet dari usia 6 tahun. Hampir 40% daripada responden memperuntukkan 1 hingga 3 jam sehari untuk melayari internet (Joanne et al. 2018).

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan selari dengan perkembangan teknologi yang pesat pada hari ini, masyarakat bermula dengan kanak-kanak sudah terdedah dengan kemudahan internet samada untuk tujuan pembelajaran atau hiburan. Walau bagaimanapun jika tidak dikawal akan menyebabkan ketagihan berlaku dan seterusnya memberi pelbagai kesan negatif bukan sahaja kepada diri sendiri malah melibatkan orang lain. Oleh yang demikian, perlu ada pemantauan dan kawalan sama ada oleh ibubapa, guru-guru dan orang dewasa berkenaan pengaruh internet kepada kanak-kanak.

RUJUKAN

- Awang Koding Bin Che Tom & Zunaidah Tohalib (2018) Hubungan Antara Ketagihan Internet Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT). ISBN:e978-967-0829-97-5
- Hilarie Cash, Cosette D Rae, Ann H Steel, & Alexander Winkler (2012) Internet Addiction: A Brief Summary of Research and Practice. *Curr Psychiatry Rev.* 012 8(4): 292–298.
- Internet World Stats (2019) <https://www.internetworldstats.com/>
- Johari Hassan & Raja Shahrina (2012)
- Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru.
- Journal of Technical, Vocational & Engineering Education* 6 (2012): 23-43
- Junaidi Ladjana (2017) Kenal di Wechat, jumpa, dirogol. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2017/07/248982/kenal-di-wechat-jumpa-dirogol>
- Mohammad Aziz Shah Mohamed Arip, Irna Abd Latif, Wan Rosni Wan Mamat, Siti Noratikah Abd Razak & Juwita Sayang Abd Rahim (2013)
- Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *Jurnal Personalia Pelajar* 16 (2013): 93-103
- Muhammad Apendy Issahak (2018) Dirogol Kenalan Wechat. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/07/354689/dirogol-kenalan-wechat>
- Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (2019)
- Internet Users Survey 2018.
- <https://www.skmm.gov.my/resources/statistics/internet-users-survey>



ARTIKEL 4

ARTIKEL : 4

TAHAPKEMURUNGAN DALAM KALANGAN WARGA EMAS DI RUMAH SERI KENANGAN JOHOR BAHRU

OLEH:

Noora Ashikin Binti Jaafar
Rumah Seri Kenangan Johor Bahru

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk melihat tahap kemurungan dalam kalangan warga emas di Rumah Seri Kenangan Johor Bahru (RSK JB) dan mengenalpasti faktor penyebab kemurungan itu berlaku. RSK JB merupakan institusi penjagaan warga emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bertujuan memberikan penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Seramai 20 orang warga emas telah terlibat sebagai responden. Sesi temubual semi struktur telah dilaksanakan berdasarkan soalan-soalan yang dibentuk dengan mengadaptasi soalan yang terdapat pada Skala Kemurungan Geriatrik. Dapatan kajian ini menunjukkan tahap kemurungan dalam kalangan responden adalah berada pada dua tahap iaitu tahap normal dan tahap rendah. Seramai 13 orang responden berada pada tahap normal manakala 7 orang responden berada pada tahap rendah. Faktor demografi responden iaitu umur dan jantina mempengaruhi tahap kemurungan mereka. Aspek tersebut ialah aspek penglibatan warga emas dengan aktiviti yang disediakan, aspek emosi warga emas iaitu penerimaan terhadap keadaan diri mereka yang perlu tinggal di RSK JB dan aspek sokongan daripada pihak sekeliling mereka. Sehubungan itu, kajian ini juga menyenaraikan beberapa cadangan untuk mengatasi kemurungan dalam kalangan warga emas di RSK JB.

PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka edisi ke-4, warga emas didefinisikan sebagai ahli atau anggota yang sudah lanjut usia. Selain itu, Warga emas ialah mereka yang berumur 60 tahun ke atas berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "World Assembly On Ageing 1982" di Vienna. Persatuan Negara-negara Asia Tenggara atau Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) telah sebulat suara bersetuju dengan definisi berikut. Sehubungan itu, warga emas yang merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat dan negara, diakui mempunyai banyak pengalaman dan kemahiran. Mereka telah banyak memberi sumbangan selama ini dan masih mempunyai potensi menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Oleh yang demikian adalah wajar mereka mendapat perhatian, penghormatan dan kasih sayang bagi memastikan mereka menikmati kesejahteraan hidup sepanjang hayat.

Pola penjagaan warga emas sekarang dikatakan semakin berubah apabila negara menginjak arus kemodenan. Ramai warga emas kini tidak lagi dijaga oleh anak-anak atau ahli keluarga sebaliknya dihantar ke pusat-pusat jagaan sama ada di bawah kelolaan kerajaan atau swasta (Harian Metro, 2010). Sehubungan itu, salah satu strategi untuk memperkuatkan perlindungan sosial dan penjagaan dalam kalangan warga emas, sebanyak 9 buah RSK telah dibina oleh kerajaan bagi memberi perlindungan kepada warga emas yang memerlukan sejak tahun 1969. Kesemua RSK tersebut berada di bawah pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sepenuhnya. Bagi tujuan pemantauan, setiap RSK akan dipantau oleh pihak pengurusan JKM Negeri dan Bahagian Warga Emas di Ibu pejabat JKM. Kesemua RSK adalah berorientasikan


objektif yang sama iaitu memberi perlindungan dan penjagaan kepada warga emas yang daif dan tiada tempat untuk berlindung.

Warga emas yang diberi perlindungan di RSK adalah terdiri daripada pelbagai kategori. Kajian-kajian terkini mendapati bahawa penempatan warga emas ke institusi warga tua bukanlah satu pengalaman yang teruk tetapi mungkin boleh mengancam kesihatan psikologi kerana tidak diberi sokongan dan berautonomi dalam membuat keputusan (Journal of Psychology & Human Development, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, 2013).

Kemurungan ialah satu keadaan dimana si penghidad mengalami tekanan emosi yang berpanjangan atau stress yang berlanjutan sehingga menyebabkan si penghidad kehilangan harapan untuk meneruskan kehidupan, kehilangan motivasi dan matlamat hidup serta kepercayaan dalam hidupnya. Kadar kelaziman kes kemurungan dalam sesebuah jangka hayat di mana-mana negara adalah antara 8% hingga 10%. Beberapa kajian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Bank Dunia mendapati kemurungan adalah penyakit keempat paling serius dalam melumpuhkan jiwa seseorang di dunia.

Tahap Kemurungan Responden Warga emas di RSK JB

Dapatan kajian ini mengambil kira faktor demografi untuk melihat perbezaan tahap kemurungan dalam kalangan warga emas di RSK JB. Responden merupakan 10 orang warga emas lelaki dan 10 orang warga emas perempuan. Tahap umur responden dibahagikan kepada tiga iaitu responden yang berumur kurang 65 tahun, responden yang berumur antara 65 tahun hingga 75 tahun dan responden yang berumur melebihi 75 tahun.



Graf 1 : Responden warga emas lelaki dan perempuan mengikut umur

Merujuk kepada Graf 1, seramai 20 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden yang berada di bawah umur 65 tahun adalah terdiri daripada lelaki seramai 6 orang manakala perempuan seramai 3 orang. Responden yang berada antara umur 65 tahun hingga 75 tahun pula adalah lelaki seramai 3 orang manakala s perempuan seramai 6 orang. Bagi responden yang berumur 75 tahun ke atas pula terdiri daripada lelaki dan perempuan yang sama jumlah iaitu 1 orang sahaja bagi setiap jantina.

Sehubungan itu, tahap kemurungan responden telah dianalisa berdasarkan faktor demografi responden iaitu umur dan jantina seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 iaitu;

Jadual 1 : Tahap Kemurungan Geriatrik

Skala	Tahap Kemurungan Geriatrik	Umur <65		Umur 65-75		Umur 75 >		JUMLAH
		WT L	WT P	WT L	WT P	WT L	WT P	
0	Normal	4	1	3	4	1		13
1-5	Rendah	2	2		2		1	7
6-10	Sederhana							
11-15	Tinggi							
0	Normal							
JUMLAH		6	3	3	6	1	1	20

Rujukan:

WT L mewakili Warga Emas Lelaki

WT P mewakili Warga Emas perempuan

Merujuk kepada Jadual 1 di atas, seramai 20 orang responden merupakan sampel bagi kajian ini. Skala Kemurungan Geriatrik menetapkan bahawa tahap kemurungan dikategorikan kepada empat tahap iaitu tahap normal, tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi. Dapatan kajian ini menunjukkan responden hanya menunjukkan dua tahap sahaja iaitu tahap normal dan tahap rendah. Tahap normal terdiri daripada responden warga emas lelaki yang berumur bawah 65 tahun iaitu seramai 4 orang manakala responden warga emas perempuan seramai 1 orang. Bagi responden warga emas lelaki yang berumur antara 65 hingga 75 tahun pula seramai 3 orang manakala responden warga emas perempuan seramai 4 orang. Bagi umur 75 tahun ke atas hanya terdiri daripada responden warga emas lelaki sahaja iaitu 1 orang.

Manakala tahap rendah pula terdiri daripada responden warga emas lelaki yang berumur bawah 65 tahun iaitu seramai 2 orang manakala responden warga emas perempuan seramai 2 orang. Bagi umur antara 65 hingga 75 tahun pula hanya terdiri daripada responden warga emas perempuan sahaja iaitu 2 orang dan turut diikuti bagi umur 75 tahun ke atas yang hanya responden warga emas perempuan sahaja iaitu 1 orang. Jumlah keseluruhan bagi Tahap Kemurungan Geriatrik Normal ialah seramai 13 orang responden warga emas manakala Tahap Kemurungan Geriatrik Rendah ialah seramai 7 orang responden warga emas.

Oleh itu, terdapat beberapa aspek yang boleh mempengaruhi tahap kemurungan dalam kalangan warga emas di RSK JB iaitu;

Kecenderungan Penglibatan Warga Emas Dalam Aktiviti

Terdapat responden yang cenderung melibatkan diri dalam aktiviti yang disediakan oleh pihak RSK JB ini dapat dilihat apabila mereka sentiasa memberikan maklum balas yang agak positif. Oleh yang demikian, kebergantungan terhadap aktiviti atau perkhidmatan yang sedia ada di RSK JB adalah langkah pencegahan awal agar simptom kemurungan tidak terus berlaku di kalangan warga emas RSK JB.

Keselesaian Emosi Terhadap Persekitaran

Penerimaan terhadap ketentuan hidup, membantu membentuk emosi yang stabil dalam diri warga emas di RSK JB. Warga emas yang melihat keadaan dirinya ditempatkan di RSK JB sebagai satu rahmat dari tuhan demi kesejahteraan hidupnya akan mendorong mereka membentuk emosi yang positif. Jika ruang kefungsian sosial mereka semakin mengecil dan tidak selesa, perkara

ini akan menyebabkan emosi mereka mudah terganggu.

Perhatian Daripada Orang Di Sekeliling

Warga emas di RSK JB mempunyai harapan dalam menjalani kehidupan di institusi penjagaan. Walaupun pada usia yang lanjut, mereka tetap merasakan kehidupan yang dijalani sekarang baik dan memuaskan. Walaupun tiada harapan yang tinggi, tapi mereka tetap positif terhadap orang yang berada di sekeliling mereka. Sokongan dari segi mental dan fizikal amatlah diperlukan untuk mereka merasakan diri mereka masih lagi diberikan perhatian.

Lantaran itu, langkah-langkah inisiatif perlu dilaksanakan bagi mengelakkan kemurungan dalam kalangan warga emas di RSK JB agar kefungsi sosial diri warga emas itu dapat diseimbangkan. Antara langkah inisiatif tersebut adalah;

Penyusunan Aktiviti Dan Program Yang Lebih Konsisten

Kebiasaannya di setiap institusi mempunyai aktiviti dan perkhidmatan untuk penglibatan warga emas bagi mengisi masa lapang. Namun begitu, penyusunan aktiviti yang lebih konsisten dan praktikal boleh menjadikan warga emas lebih menyusun waktu mengikut minat mereka dalam aktiviti tersebut. Aktiviti boleh dipelbagaikan mengikut waktu lapang mereka dan bersesuaian mengikut tahap kemampuan mereka.

Mengadakan Hari Bersama Keluarga

Sistem pengurusan sosial di setiap institusi jagaan warga emas perlulah mengenalpasti tentang permasalahan yang seringkali wujud antara warga emas dengan keluarga mereka. Anak-anak atau keluarga terdekat kepada warga emas yang tinggal di institusi jagaan warga emas patut disedarkan akan tanggungjawab mereka walaupun terdapat kekangan masalah yang berlaku sebelum ini. Adams et al. (2004) [Dipetik daripada Journal of Psychology & Human Development, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, 2013] mencadangkan supaya pihak institusi menghantar peringatan berkala kepada ahli keluarga untuk mengingatkan mereka untuk melawat ibu bapa di institusi.

Intervensi Individu atau Berkumpulan

Program Intervensi adalah salah satu langkah psikologi untuk melihat sudut pandang emosi seseorang warga emas. Pihak institusi boleh mengadakan program intervensi secara berkala pada setiap bulan agar masalah emosi warga emas seperti kemurungan dapat dikenalpasti pada peringkat awal. Intervensi ini juga akan lebih membantu jika digabungkan dengan strategi intervensi lain dan boleh memberikan warga emas sedikit autonomi seperti meluahkan perasaan. Manakala, aktiviti intervensi secara berkumpulan pula perlulah mempunyai komponen pendidikan, sokongan sosial dan khidmat sosial.

Pendekatan Keseluruhan Bersama Komuniti

Hubungan dua hala antara institusi jagaan warga emas dengan pihak luar sepatutnya harus sentiasa di wujudkan bagi memberi ruang pihak luar untuk lebih sensitif dan peka kepada golongan warga emas yang tinggal di institusi jagaan warga emas. Contoh hubungan dua hala yang sentiasa boleh dilaksanakan secara konsisten ialah program lawatan dan ramah mesra bersama warga emas dari pihak-pihak sekolah, syarikat-syarikat swasta, masyarakat setempat, anggota sukarelawan dan lain-lain komuniti. Selain itu, pendekatan seperti ini akan memberikan kesedaran kepada komuniti bahawa golongan warga emas tidak boleh dipinggirkan terus kerana mereka adalah insan-insan yang telah menyumbang awal dalam kehidupan yang kita ada sekarang.

Kesimpulannya, wargaemas sangat berisiko mengalami kemurungan kerana merasai kehilangan dan perubahan dalam kehidupan mereka. Setiap warga emas yang tinggal di institusi jagaan warga emas disarankan untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang telah disediakan mengikut kemampuan warga emas dan boleh mengisi masa lapang yang terluang. Kestabilan dan keselesaan emosi warga emas juga perlulah dititikberatkan agar mereka merasa hidup ini tetap bermakna walau di mana jua mereka berada. Pihak institusi jagaan warga emas dan pekerja sosial juga perlu sentiasa merapati warga emas kerana mereka hanya ingin bercerita atau meluahkan perasaan. Selain itu, pihak keluarga juga harus sentiasa memberikan perhatian kepada mereka walaupun telah membuat keputusan menghantar mereka ke institusi penjagaan warga emas. Masyarakat atau komuniti setempat juga boleh memainkan peranan mereka dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat atau Corporate Social Responsibility (CSR) untuk warga emas di RSK JB mahupun institusi jagaan warga emas yang lain.

Oleh yang demikian, kemurungan warga emas di RSK JB masih berada pada tahap yang normal dan boleh dikawal melalui pelbagai langkah yang boleh diambil seperti penyusunan aktiviti dan program yang lebih konsisten, mengadakan hari perjumpaan bersama keluarga, menjalankan intervensi individu atau berkumpulan dan langkah seterusnya adalah pendekatan keseluruhan bersama komuniti.

RUJUKAN

Akta Pusat Jagaan 1993. (2007) Akta 506. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2011). Dasar dan pelan tindakan warga emas negara.

[https://imammalik11.wordpress.com/2014/04/14/pengertian-dan-karakteristik-penyesuaian-diri-prpm.dbp.gov.my://maksud kemurungan](https://imammalik11.wordpress.com/2014/04/14/pengertian-dan-karakteristik-penyesuaian-diri-prpm.dbp.gov.my://maksud%20kemurungan)

Muhammad Abdul Malik (Jadilah manusia yang utuh tiada manipulasi) - Pengertian dan Karakteristik Penyesuaian Diri

The E.E & Hasanah C.I. School Of Medical Sciences (USM) Malaysia

(<https://web.stanford.edu>), Skala Kemurungan Geriatrik

Utusan Malaysia, 2013 – Jangka Hayat Penduduk Malaysia

Journal of Psychology & Human Development, Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia, 2013



ARTIKEL 5

ARTIKEL : 5

PERANAN AGAMA DALAM PENDEKATAN KAUNSELING

OLEH:

Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor

Tiada seorang manusia normal di dunia ini yang tidak mempunyai masalah. Tidak kira masalah yang dihadapi besar atau kecil, ia akan tetap mengambil ruang kepada kestabilan mental individu dalam usaha mencari jalan penyelesaian. Ada yang menerima masalah dan tekanan tersebut sebagai ujian dan dugaan daripada Ilahi malah tidak kurang juga yang menyalahkan takdir Tuhan. Tekanan dalam menghadapi permasalahan ini pula berbagai dan bergantung kepada kekuatan mental individu tersebut. Antara langkah yang boleh digunakan dalam meredakan tekanan tersebut adalah melalui kaedah kaunseling.

Kaunseling berasal daripada perkataan bahasa Inggeris “counselling” yang boleh difahami oleh semua orang, tetapi mereka mungkin memahaminya dalam pengertian yang berbeza. Dalam pengertian yang luas, sebenarnya setiap orang terlibat dalam aktiviti kaunseling baik secara langsung atau tidak langsung, terutamanya ibu bapa, guru, pemimpin agama, peguam, doktor, jururawat dan juga semua yang terlibat dengan proses mendidik dan kebajikan masyarakat. Kaunseling bukanlah perkara baru malah manusia selalu melakukan aktiviti rundingcara sesama mereka.

Kaunseling merupakan kebolehan seseorang menolong orang lain untuk mengatasi masalah dan mencapai kesejahteraan hidup di dunia. Apa yang ketara kaunseling merupakan alat asas bagi kebanyakan profesional. Secara amnya dapat dikatakan bahawa konsep kaunseling diamalkan di dalam bidang pendidikan, perubatan, agama, kemasyarakatan, pemulihan, perkahwinan dan keluarga.

Agama berperanan sebagai satu mekanisme untuk membantu menghadapi kesukaran kehidupan. Ini kerana institusi keagamaan dan sistem kepercayaan berfungsi sebagai satu mekanisme yang bersifat pencegahan. Banyak bukti empirikal mencadangkan kepercayaan agama, latihan dan institusi menjadi berkesan dengan peranan pencegahannya. Penglibatan agama yang diukur melalui pelbagai cara dilihat mengurangkan kejadian membunuh diri, penggunaan dan penyalahgunaan dadah dan alkohol serta perpecahan keluarga (Payne, Bergin, Bielema & Jenkins, 1992).

KAUNSELING DARI PERSPEKTIF ISLAM

Di dalam Islam, kaunseling mempunyai pengertian dan kedudukan yang tersendiri. Ini selaras dengan tuntutan Islam itu sendiri yang berpandukan al-Quran dan as-Sunnah. Kebanyakan sentuhan kaunseling barat lebih bertumpu kepada perubahan tingkah laku klien ke arah lebih rasional dan mengikut garis normal hidup sebagai manusia. Kaunseling Islam mempunyai liputan skop masalah yang lebih besar iaitu yang berkaitan dengan keimanan seseorang seperti aspek ketuhanan, alam akhirat, dosa, pahala, neraka, hari kiamat dan sebagainya. Ahli-ahli Psikologi Barat kini sendiri telah memperakui sekaligus meniadakan teori Freud dan rakan-rakan sezamannya mengenai perkaitan antara agama dan masalah psikologikal ini. Keperluan agama

dalam merawat masalah psikologikal diakui oleh West (2002) yang berpendapat kerohanian atau keagamaan menjadi sebahagian daripada kehidupan dan dilihat serta diakui sebagai sesuatu yang sangat berharga.

Kajian oleh Glaser dan Bozarth (2001) mendapati kerohanian yang positif adalah sangat perlu untuk perkembangan diri yang sihat dan keberfungsian. Individu yang mempunyai identiti kerohanian yang positif berfungsi lebih baik dari segi interpersonal dan emosi. Berkesannya kaunseling berpendekatan Islam ini adalah kerana matlamat akhir yang berbeza dengan pendekatan-pendekatan lain. Matlamat akhir bagi sesi kaunseling ini adalah mengkehendaki klien memahami hubungan dengan Allah s.w.t., hubungan dengan makhluk-makhluk ciptaan Allah, tujuan hidup dunia dan matlamat akhir hidup ini.

Kaunseling berpendekatan Islam ini menekankan empat perkara penting iaitu pembangunan roh, akal, hati dan keseimbangan nafsu:

- **Pembangunan Roh**

Pembangunan roh merupakan aspek paling penting dalam kaunseling Islam. Bilamana roh itu sudah mula mengenali Allah, mencintai Allah, mula takut pada Allah, yakin pada Allah dan akur pada segala suruhan dan larangan Allah, maka manusia mula mengetahui apa tujuan hidupnya.

- **Pembangunan Akal**

Membangunkan akal atau dalam kata lain, pencerahan akal (celik akal) dapat membimbing manusia kepada kemuliaan dan ketinggian darjat sebagai hamba di sisi Allah s.w.t.. Akal fikiran adalah amanah dan tanggungjawab daripada Allah yang tidak melibatkan makhluk lain di muka bumi. Akal fikiran dapat membezakan kebenaran dan kebatilan, juga antara petunjuk (hidayah) dan kesesatan.

- **Pembangunan Hati**

Pembangunan hati bukan sahaja sekadar menumpukan zikir pembaikan hati dan sebagainya, tetapi yang lebih utama adalah membuang dahulu segala kekotoran yang lahir dari dosa dan maksiat yang dilakukan. Hati manusia ibarat bebola kaca yang jernih dan bersinar. Andai ia dikilau dengan cahaya yang benar-benar terang, maka pancarannya akan menjadi semakin menyerlah dan menarik orang lain untuk melihatnya. Hati yang elok berupaya memberi ilham kepada manusia tentang hakikat dirinya dan juga Penciptanya iaitu Allah s.w.t.

- **Pengimbangan Nafsu**

Mengapa tidak dikatakan penghapusan atau perlupusan nafsu? Ini kerana manusia juga memerlukan nafsu dalam kehidupannya. Nafsu yang diimbang dengan hati yang jernih, ruh yang dibangunkan dan akal yang terpinpin akan mampu membawa manusia ke arah kesejahteraan lahiriah dan batinniah. Contohnya, makan adalah satu aktiviti dalam kehidupan. Andai nafsu jahat yang menguasai nafsu makan, maka kita akan makan secara berlebihan sehingga lahiriah menjadi malas, dan impak yang lebih buruk akan menimpa batinniah sehingga menyebabkan rosaknya hati dan jiwa. Telah dibuktikan bahawa sebahagian besar ahli profesional mempercayai nilai manusia dan gaya hidup mempunyai kesan yang mendalam ke atas kesihatan mental dan kefungsiannya emosi dan sesetengah nilai lebih mengikut kesejahteraan mental daripada yang lain (Jensen & Bergin, 1988).

KAUNSELING DARI PERSPEKTIF BARAT

Blocher (1974) mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses untuk menolong individu supaya ia menjadi lebih sedar tentang dirinya dan bagaimana ia dapat bertindak balas dalam alam persekitarannya. Manakala Corey (1977) sama seperti Blocher menekankan tentang proses di mana seorang klien diberi peluang untuk menerokai aspek diri dan kehidupannya yang menimbulkan masalah pada dirinya. James (1982) pula mendefinisikan kaunseling sebagai suatu proses pembelajaran yang lebih menekankan kepada proses membantu individu untuk mencapai kehendaknya, membimbing dan menilai potensi yang ada pada diri individu. Tidak dapat disangkal, membicarakan mengenai kaunseling, lazimnya tidak dapat lari daripada teori, kaedah dan teknik kaunseling yang dibawa dari Barat. Nama-nama seperti Sigmund Freud, Carl Rogers, Albert Ellis sangat sinonim dengan ilmu kaunseling sehinggakan terdapat pandangan negatif yang melihat kaunseling seringkali mengabaikan satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia, iaitu elemen agama mahupun kerohanian (Sapora Sipon, 2005).

Sigmund Freud sendiri menganggap bahawa agama sebagai satu ilusi dan boleh mengherotkan pandangan manusia terhadap kehidupan. Ahli-ahli psikologi sezaman dengan Freud menganut aliran 'relativism ethical' dan 'ethical hedonism'. Pengaruh teori evolusi Darwin menyebabkan Freud dan ahli-ahli psikologi lain pada waktu itu berpandangan bahawa kejadian manusia secara semula jadinya adalah hampir sama dengan kejadian binatang (Lundin, 1985). Mereka berpendapat bahawa manusia pada asasnya adalah bersifat hedonistik dan menolak sama sekali unsur moral dan etika yang boleh dioptimalkan dalam diri manusia. Pemisahan agama dalam bidang kaunseling juga mungkin ada kaitannya dengan usaha Barat untuk mengasingkan ilmu agama dengan ilmu sekular yang lahir daripada konsep 'the separation of state and church'.

PERBEZAAN KAUNSELING DARI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT

Biarpun kaunseling dari aspek Barat dan Islam tidak jauh beza dari segi definasi dan tujuannya, namun begitu, masih terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua perspektif tersebut dalam bidang kaunseling:

- i. Aspek kemanusiaan
 - Barat
 - Hanya sudut jasmaniah yang diberikan penekanan. Contohnya, teori psikoanalisis dan behaviourisme melihat suatu gejala penyakit yang sama tetapi daripada perspektif yang berbeza. Misalnya kerisauan, psikoanalisis melihatnya berpunca daripada pengalaman traumatik sewaktu berumur enam tahun ke bawah manakala bagi behaviourisme melihatnya berpunca daripada kegagalan proses pembelajaran.
 - Islam
 - Ditinjau dari aspek spiritual. Contohnya melihat kerisauan secara komprehensif dari zahiriah dan rohaniah. Melihat manusia sebagai makhluk yang mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai khalifah Allah di muka bumi dengan satu tujuan iaitu beribadat kepada Allah dan mentadbir alam ini dengan lebih baik dan bersyukur.

- ii. Role model (Uswatun hasanah)
 - Barat
 - Sukar menerapkan contoh yang sebenar-benarnya dalam konteks Barat
 - Islam
 - Rasulullah sebagai contoh tauladan kepada umat manusia amnya dan umat Islam khususnya.
- iii. Nilai sosial
 - Barat
 - Manusia dianggap sebagai kompetitif, individualistik dan mengutamakan kepentingan diri dalam usaha memaksimumkan keuntungan dan pencapaian sendiri kerana mengutamakan aspek puashati dan kejayaan.
 - Islam
 - Menekankan aspek tanggungjawab bersama dan dapat mencapai keseimbangan antara pemikiran dan tingkahlaku dalam masa yang sama memikirkan kebajikan pihak yang lain.
- iv. Kebebasan
 - Barat
 - Kebebasan secara mutlak
 - Islam
 - Kebebasan yang berorbitkan agama dan tidak melangkaui hukum syarak.
- v. Rasa bersalah dan taubat
 - Barat
 - Merasionalkan perbuatan sebagai wadah kepada pemulihan. Menggunakan aspek sokongan, kemesraan dan empati merupakan strategi kaunseling yang dicadangkan untuk menangani masalah rasa bersalah (Mumtaz Fatima Jafari, 1992).
 - Islam
 - Setiap tindakan, tutur kata dan kelakuan yang menimbulkan rasa bersalah hendaklah dirasionalkan melalui terapi solat sunat taubat.
- vi. Amanah dan aib
 - Barat
 - Aspek kerahsiaan merupakan perkara yang sangat penting dalam kaunseling dan mahu menjaga hubungan profesional.
 - Islam
 - Melihat kaunseling itu dalam konteks amanah.

- vii. Ibadah
 - Barat
 - Melihat kaunseling sebagai kerjaya dalam membantu
 - Islam
 - Merupakan ibadah
- viii. Jantina
 - Barat
 - Semua layanan adalah sama terhadap semua jantina
 - Islam
 - Mempunyai batas-batas pergaulan

PANDANGAN TEORI-TEORI BARAT DAN ISLAM BERKAITAN MANUSIA.

Teori Freudian percaya bahawa manusia tiada kemahuan dan kebebasan sendiri. Manusia dikawal oleh keadaan tidak sedar yang lampau kerana kewujudan tenaga dalaman yang memberi tekanan kepada dirinya. Ini yang membentuk tingkahlaku manusia dan kecelaruan berlaku apabila kehendak masa lampau tidak dipenuhi.

Aliran tingkahlaku (behaviourisme) pula percaya bahawa manusia boleh diprogram untuk membentuk tingkahlakunya. Apa yang mahu dibentuk dan apa yang mahu dihapuskan boleh dilakukan berdasarkan bentuk rangsangan yang diberikan. Ini menunjukkan manusia tiada kebebasan dalam tingkahlaku dan perlakuannya dikawal oleh rangsangan persekitaran. Manusia dan persekitaran secara asasnya mempengaruhi antara satu sama lain.

Teori humanistik (kemanusiaan) pula percaya bahawa manusia berpotensi ke arah kesempurnaan diri dan ini menunjukkan manusia mempunyai kebebasan menentukan hala tuju. Manusia didapati memberi makna tersendiri kepada apa yang berlaku dalam kehidupannya. Kerana itu, manusialah yang bertingkahlaku ke arah pencapaian yang dikehendakinya.

Teori kognitif percaya manusia bebas dalam memilih, mengawal dan mengubah tingkahlakunya jika terdapat keperluan ke arah itu. Manusia dianggap sebagai binatang rasional yang aktif dan dikawal oleh fikiran dan pengetahuan yang wujud dalam keadaan sedar. Manusia sentiasa melihat ke arah masa depannya kerana akal fikiran yang menentukan hala tuju. Aliran Islam pula percaya secara fitrahnya manusia dilahirkan dengan sifat yang baik yang dianugerahkan oleh Penciptanya.

Menurut Mustapha Hj. Mohd Jar (1986), manusia dibekalkan dengan akal fikiran bertujuan membezakan antara tingkahlaku baik dan buruk. Manusia menerima Perjanjian Ketuhanan dengan Allah dalam segala hal perlakuan dan sikapnya. Lantaran itu, Allah mengangkat martabat manusia menjadi khalifah di muka bumi. Manusia turut dibekalkan nafsu rasional yang tinggi (al-nafs al natigah) dan nafsu haiwan yang rendah (al nafs al hayawaniyyah). Namun, apabila berinteraksi dengan persekitarannya manusia perlu membuat pilihan dan akhirnya ia bertanggungjawab atas apa yang menjadi pilihannya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sebagai seorang kaunselor yang ingin membantu perlu mempunyai pegangan agama dan pengetahuan dalam agama lain untuk mewujudkan rasa hormat andainya menerima klien dari latar belakang agama yang lain dari agama yang dianuti. Dengan berkembangnya ilmu jiwa (psikologi), diketahui bahwa manusia memerlukan bantuan untuk mengatasi masalah yang dihadapinya dan muncul berbagai bentuk penyelesaian masalah, dari yang paling ringan (bimbingan), yang sedang (kaunseling) dan yang paling berat (terapi), sehingga berkembang pelbagai teknik dalam mengatasi masalah psikologi diantaranya bimbingan, kaunseling dan terapi. Selanjutnya ditemukan bahwa agama mempunyai fungsi-fungsi dalam bimbingan, kaunseling dan terapi dimana filosofinya berdasarkan atas ajaran agama masing-masing terutama agama Islam dengan ajaran Al-Quran dan Sunnahnya. Proses pelaksanaan bimbingan, kaunseling dan psikoterapi dengan berpegang pada agama tentunya membawa kepada peningkatan iman, ibadah dan jalan hidup yang lebih mudah, bahagia dan tenang.

Rujukan

Mumtaz Fatima Jafari. (1992). Counseling values and objective: A comparison of Western and Islamic Perspectives. Kertas Kerja di Seminar Kebangsaan Islam, 17 Disember, Kuala Lumpur, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Sapora Sipon 2005. Keperluan agama dalam kaunseling. Persidangan Kaunseling. Universiti Malaya anjuran Jabatan Psikologi Pendidikan dan kaunseling dengan kerjasama Kemneterian Pembangunan Keluarga dan Masyarakat. 28 & 29 November 2005

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

http://pkmains.mmu.edu.my/artikel/kaunseling_kepimpinan.html

Rizal Abu Bakar. (2009). Kaunseling daripada perspektif Islam: Apa, mengapa dan bagaimana. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.



ARTIKEL 6

ARTIKEL : 6

“KOMUNIKASI DALAM ORGANISASI”

OLEH:

MOHD BAHARUDIN BIN ADMIN

PENGETUA

ASRAMA AKHLAK KEMPAS, JOHOR BAHRU

1. PENGENALAN

Ketua atau pemimpin atau lebih gemar didengari “BOS” merupakan peneraju utama yang membentuk pasukan bekerja di sesebuah organisasi. Salah satu faktor utama yang menjadi penyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang dinamik adalah melalui kemahiran menyampai dan menerima maklumat secara positif yang spesifiknya diistilahkan sebagai kemahiran berkomunikasi. Menurut Abrams (1986), dalam kehidupan seharian jumlah komunikasi yang dilakukan oleh individu terdiri daripada mendengar (45 peratus), bercakap (30 peratus), membaca (16 peratus) dan menulis (9 peratus). Komunikasi bukan sahaja melibatkan percakapan dan penulisan tetapi juga pembacaan dan proses mendengar (Zawiyah, 2009). Oleh itu komunikasi adalah aktiviti utama yang berlaku dalam sesebuah organisasi. Berjaya atau gagal sesebuah organisasi mencapai visi dan misi yang ditetapkan banyak bergantung kepada pasukan kerja yang berada dalam sesebuah organisasi itu. Salah satu alat untuk mewujudkan pasukan kerja yang dinamik dan efektif adalah melalui komunikasi yang berkesan.

Tidak dapat disangkal lagi bahawa komunikasi adalah amat penting dalam kehidupan kita seharian. Setiap hari kita berkomunikasi dengan masyarakat di sekitar kita sama ada dalam situasi formal atau pun tidak formal. Komunikasi yang baik dapat menyampaikan hasrat hati dengan baik. Walau bagaimanapun, satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan adalah ramai yang tidak mampu berkomunikasi dengan baik. Hal ini paling menyedihkan sekiranya ia berlaku dalam kalangan pimpinan sesebuah organisasi. Ini adalah kerana sesebuah organisasi mempunyai misi dan visi tertentu yang ingin dibawa dan digerakkan bersama. Sekiranya masalah komunikasi ini berlaku dalam sesebuah organisasi, maka sudah tentu kelancaran gerak kerja dan hala tuju sesebuah organisasi itu akan terbantut.

2. PENGERTIAN KOMUNIKASI

Komunikasi boleh didefinisikan sebagai perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain (Kamus Dewan, 2007). Manakala menurut Hisyam al-Talib (1992), komunikasi ditakrifkan sebagai “membenarkan orang lain mengetahui tentang diri kita, dan membenarkan mereka untuk saling memahami dengan kita. Sekiranya ini berlaku, mereka akan menghormati kita. Walau bagaimanapun, proses ini melibatkan perkongsian pemikiran (idea) dan perasaan dengan orang lain secara jujur. “Ini bererti dalam berkomunikasi, apa yang ingin kita sampaikan adalah apa yang kita fahami tentang kedudukan sesuatu perkara serta wujud keadaan faham-memahami. Hasil komunikasi yang baik akan mewujudkan perkongsian pemikiran dan berkemungkinan akan mengubah sikap dan perangai pendengar.

Jika ditinjau secara lebih lanjut, definisi komunikasi ini tidak akan lari daripada enam komponen utama iaitu penyampai, penerima, medium perantaraan, maklumat, maklum balas dan gangguan. Komunikasi berkesan atau komunikasi efektif pula boleh didefinisikan sebagai komunikasi yang dapat menyampaikan maklumat dengan jelas daripada penyampai kepada penerima dalam usaha mencapai matlamat organisasi.

Komunikasi dalam sesebuah organisasi dikatakan suatu proses kerana setiap organisasi mempunyai sistem yang dinamik dan terbuka. Hubungan dalam organisasi dan pertukaran mesej antara individu sering berlaku. Mesej yang disalurkan mungkin melalui bahasa, bunyi, isyarat, gerak badan dan lain-lain dan mesej ini mesti dapat dikongsi bersama-sama oleh ahli-ahli dalam organisasi tersebut.

Perhubungan manusia dalam organisasi adalah sangat penting kerana ia melibatkan pemindahan maklumat di antara individu, individu dengan kumpulan atau kumpulan dengan kumpulan. Dalam konteks organisasi samaada kerajaan atau swasta, setiap kakitangan dalam organisasi tersebut terpaksa berhubung antara satu sama lain bagi mencapai matlamat organisasi tersebut. Komunikasi yang berlaku dalam organisasi sedikit sebanyak member kesan terhadap prestasi dan kepuasan kerja. Kepuasan kerja adalah kepuasan yang dirasakan oleh seseorang terhadap pekerjaan yang dilakukannya. Ia mempunyai kaitan yang rapat. Secara sedar mahupun tidak, kepentingan komunikasi dapat dirasakan kerana tanpa komunikasi, manusia semacam tidak boleh hidup. Mereka tidak dapat berinteraksi dengan orang lain dan kehidupan mereka tidak akan teratur.

3. PENGERTIAN KOMUNIKASI DALAM ORGANISASI

Dalam buku "Pengurusan Diri" karya Mohd Yusof Othman, komunikasi dalam organisasi dapat ditalifkan sebagai "suatu kuasa yang menghubungkan pemimpin dengan orang yang dipimpin supaya dapat menggerakkan tenaga dengan tersusun untuk mencapai objektif bersama." Dalam organisasi, komunikasi merupakan alat perhubungan antara pemimpin dengan orang yang dipimpin. Pemimpin mesti mempunyai matlamat dan misi yang jelas tentang apa yang ingin dicapai oleh organisasinya. Pemimpin perlu memastikan orang-orang yang dibawahnya agar memahami matlamat organisasi seterusnya melaksanakan tanggungjawab masing-masing untuk mencapai objektif organisasi. Dengan demikian, pemimpin perlu terlebih dahulu memahami apa yang ingin disampaikan oleh organisasi yang dipimpinnya (MohdYusof Othman. 2003: 34).

4. BENTUK-BENTUK KOMUNIKASI

Komunikasi terbahagi kepada dua bentuk. Bentuk yang pertama ialah komunikasi lisan atau dikenali juga dengan komunikasi verbal. Komunikasi lisan bermaksud sebarang komunikasi yang disampaikan kepada pendengar dengan menggunakan bahasa pertuturan. Contohnya berceramah, berpidato, pengucapan umum, temuramah dan sebagainya(Abdullah Hassan danAinonMohd. 2001:48).

Bentuk komunikasi yang kedua pula ialah komunikasi bukan lisan atau dikenali juga sebagai komunikasi non-verbal. Komunikasi bukan lisan boleh diertikan sebagai sebarang komunikasi yang disampaikan kepada pendengar tanpa melibatkan bahasa pertuturan. Contohnya tulisan, simbol, cara pemakaian, ekspresi muka, pandangan mata, gerak-geri anggota tubuh, nada suara dan sebagainya(Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2001:48).

Komunikasi bukan lisan lebih berkesan daripada komunikasi lisan. Apabila komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan tidak selari, komunikasi bukan lisan lebih diutamakan. Hal ini kerana komunikasi bukan lisan yang terpamer daripada tubuh selalunya bertindak secara semulajadi dan adakalanya mudah dikenalpasti oleh orang lain. Menurut seorang ahli psikologi Amerika, Mehrabian, mengatakan bahawa apabila seorang manusia cuba menyampaikan perasaan atau hasrat hatinya, komunikasi yang terlibat ialah 55 peratus komunikasi bukan lisan, 38 peratus melalui intonasi suara dan tujuh peratus melibatkan komunikasi lisan. Hal ini menunjukkan peratusan komunikasi bukan lisan adalah yang tertinggi dan ianya bersifat kekal yang diwarisi melalui pendidikan sejak kecil (Dewan Bahasa. Disember 2008: 12 dan 14).

5. KAEDAH-KAEDAH KOMUNIKASI BERKESAN DALAM ORGANISASI

Keberkesanan komunikasi amat penting dalam sesebuah organisasi. Hal ini bagi memastikan misi dan visi sesebuah organisasi itu dapat digerakkan bersama. Melihat kepada kepentingan keberkesanan komunikasi dalam organisasi, maka di sini disenaraikan beberapa cara untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi dalam organisasi. Pertama sekali sebelum menyampaikan sesuatu maklumat, penyampai perlulah jelas tentang maklumat dan tujuan yang ingin disampaikan. Bahan yang ingin disampaikan pula mestilah tersusun, ringkas, padat dan jelas supaya mudah difahami oleh pendengar (Mohd Yusof Othman. 2003: 38 dan 42).

Selain itu kredibiliti adalah syarat penting komunikasi. Terdapat dua cara untuk memperoleh kredibiliti. Pertamanya ialah, penutur mesti yakin dan percaya tentang apa yang disampaikan berdasarkan sumber yang sahih, fakta yang tepat dan maklumat yang betul. Kedua, penutur mestilah terlebih dahulu melakukan apa yang diperkatakan supaya orang yang mendengar akan lebih terkesan di hati (Ahmad Fadzli Yusof dan Amin Idris. 2007:93).

6. KEPENTINGAN KOMUNIKASI

i) Memahami Dunia Sekitar dan Manusia Lain

Manusia berkomunikasi disebabkan mereka hendak memahami segala kejadian dan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Dengan berkomunikasi mereka dapat memahami alam sekeliling dan kehidupan ini. Manusia berkomunikasi untuk saling memahami antara satu sama lain.

ii) Menjalin Hubungan

Kepentingan komunikasi yang kedua ialah membantu manusia menjalin hubungan. Beberapa kajian yang dibuat oleh pakar-pakar psikologi mengesahkan bahawa faktor kebahagiaan manusia yang paling besar ialah apabila wujudnya perhubungan yang rapat sesama manusia. Kebahagiaan ini begitu besar sehingga boleh mengatasi kebahagiaan wang, kerjaya dan seks (Abdullah Hassan. 2002: 26-27).

Manusia memerlukan perhubungan yang rapat kerana ia dapat mengurangkan rasa kesepian dan kesunyian, membuatkan diri seseorang itu rasa dihargai disebabkan wujudnya kata-kata atau perbuatan yang menyatakan penghargaan serta dapat menambahkan rasa kenikmatan dan mengurangkan rasa kesengsaraan hidup kerana menjadi fitrah manusia perlunya perkongsian dalam kehidupan.

iii) Memberi Inspirasi

Dalam urusan organisasi, seseorang pemimpin itu perlulah melatih diri agar dapat membina komunikasi yang baik dengan semua pihak. Hal ini kerana, dalam sesebuah organisasi memerlukan banyak idea serta maklumat bagi melancarkan gerak kerja yang berkualiti. Apabila semua orang dapat berkomunikasi dengan baik, maka akan wujud pelbagai idea dan sekaligus ia akan memberi inspirasi kepada mereka yang pada awalnya tidak mempunyai sebarang idea mengeluarkan idea yang begitu menarik. Itulah yang menjadi kepentingan dalam komunikasi. Apabila wujudnya komunikasi, maka akan terbitlah kekreatifan dalam memberi pelbagai inspirasi idea menarik (Abdullah Hassan & Ainon Mohd. 2002: 15-16).

iv) Meleraikan konflik

Satu lagi fungsi penting komunikasi ialah memperbaiki hubungan yang sedia ada. Kesilapan yang paling asas dalam komunikasi ialah mesej yang disampaikan oleh penyampai tidak difahami dengan jelas atau timbulnya salah faham dalam memahaminya. Akibat daripada itu, ia boleh menimbulkan konflik atau pelbagai gangguan emosi lain seperti emosi marah, kecewa, keliru dan sebagainya. Atas faktor inilah pembaikan semula mesej perlu diperjelaskan melalui komunikasi yang lebih jelas dan berkesan. Rundingan boleh dibuat antara individu terbabit bagi mencari punca konflik dan menyelesaikannya (Hashim Fauzy. 2001: 3-4).

7. PENUTUP

Kesimpulannya, kejayaan sesuatu organisasi atau kepimpinan, adalah bergantung kepada pendekatan yang digunakan melalui komunikasi samada baik atau buruk. Jika komunikasi yang digunakan adalah ke arah positif, maka sesebuah organisasi itu akan menjadi kuat dan berjaya. Begitulah jua sebaliknya. Komunikasi adalah fitrah manusia. Kewujudan komunikasi dapat membina perasaan, hubungan, kasih sayang, persahabatan, kebencian dan sebagainya. Keberkesanan komunikasi dalam organisasi adalah sangat penting. Ini kerana bermula dengan proses komunikasi yang lancar maka kerjasama dalam pasukan antara rakan sekerja akan meningkatkan kualiti kerja dan membina semangat berpasukan antara rakan sekerja dalam organisasi. Kerja berpasukan yang berkesan juga akan mengurangkan masalah pembaziran tenaga dan meningkatkan semangat dan daya motivasi di kalangan ahli pasukan dalam organisasi.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2001. Komunikasi Untuk Pemimpin. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abrams. K.S. 1986. Communication at work: listening, speaking, writing and reading. New
- Abdullah Hassan. 2002. Komunikasi Untuk Pendakwah. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hashim Fauzy Yaacob. 2001. Komunikasi Antara Manusia. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2003. Pengurusan Diri. Selangor: Aras Mega Sdn. Bhd.
- Zawiyah Mohammad Yusof . 2009. Kemahiran Komunikasi. Kuala Lumpur . Dewan Bahasa dan Pustaka.



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI JOHOR
TINGKAT 4,
BLOK A, BANGUNAN WISMA PERSEKUTUAN,
JALAN AIR MOLEK,
80000 JOHOR BAHRU, JOHOR

[HTTP://WWW.JKM.GOV.MY/JKM/INDEX.PHP?R=NEGERI/INDEX&NEGERI=JHR](http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?R=NEGERI/INDEX&NEGERI=JHR)



07- 228 2971 / 07- 228 2972



07- 224 0336